



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1988**

---

PEMBETULAN BAGI KESILAPAN PERLANTIKAN SEMULA  
PESARA-PESARA KE PERKHIDMATAN AWAM

**1. TUJUAN**

1.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memberi garis panduan kepada Ketua-ketua Jabatan bagi membetulkan kesilapan perlantikan semula pesara-pesara ke Perkhidmatan Awam.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Pesara-pesara sama ada pesara awam atau pesara polis atau pesara tentera apabila dilantik semula di Perkhidmatan Awam, perlantikan hanya boleh dibuat secara *sementara* ataupun *kontrak* oleh *Suruhanjaya Perkhidmatan* yang berkenaan sahaja. Pesara-pesara yang dilantik secara sementara adalah tertakluk kepada [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1978](#) atau Pekeliling-pekeliling yang berkaitan yang dikeluarkan sebelum Pekeliling ini.

2.2 Dalam melaksanakan dasar pengambilan semula pesara-pesara ke Perkhidmatan Awam, didapati beberapa Kementerian dan Jabatan telah melakukan kesilapan. Kesilapan yang telah dikesan ialah:

- (a) perlantikan pesara secara sementara telah dibuat sendiri oleh Ketua-ketua Jabatan tanpa perwakilan kuasa daripada Suruhanjaya Perkhidmatan;
- (b) pesara-pesara tentera iaitu bekas anggota tentera yang bersara dengan menerima pencen,

yang sepatutnya dilantik secara sementara ataupun kontrak, telah dilantik secara tetap oleh Ketua-ketua Jabatan.

2.3 Perlantikan-perlantikan yang dinyatakan diatas, sama ada perlantikan secara sementara ataupun tetap adalah tidak sah dari segi perkhidmatan kerana perlantikan-perlantikan tersebut telah menyimpang daripada peraturan yang telah ditetapkan.

2.4 Ketua-ketua Jabatan perlulah mendapatkan perwakilan kuasa daripada Suruhanjaya Perkhidmatan dan seterusnya membuat perlantikan semula bagi pesara-pesara yang telah tersalah lantik itu. Tujuan perwakilan kuasa ini ialah untuk memberi "pengesahan undang-undang" kepada perlantikan yang telah dilakukan oleh Ketua-ketua Jabatan yang tidak mempunyai kuasa.

### **3. PEMBETULAN**

3.1 Ketua-ketua Jabatan dikehendaki membetulkan kesilapan yang telah berlaku itu mengikut garis panduan yang dinyatakan di bawah ini:

(a) **Pembetulan bagi Pesara-pesara yang Dilantik Secara Sementara Tanpa Perwakilan Kuasa**

(i) Ketua-ketua Jabatan hendaklah mendapatkan perwakilan kuasa daripada Suruhanjaya Perkhidmatan untuk membuat perlantikan semula. Tarikh perlantikan mereka dikebelakangkan pada tarikh mereka mula-mula dilantik semula selepas bersara oleh Kementerian atau Jabatan.

(ii) Gaji pesara-pesara yang dilantik semula pada atau selepas 1-7-1977 hendaklah diselaraskan mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1978](#).

(iii) Bagi mereka yang dilantik semula sebelum 1-7-1977, gaji mereka hendaklah diselaraskan mengikut Pekeliling Perkhidmatan atau Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan seperti berikut:

[Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15/1973](#)

[Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/1974](#)

[Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9/1977.](#)

**(b) Pembetulan bagi Pesara-pesara yang Telah Dilantik Secara Tetap**

- (i) Pesara-pesara yang telah dilantik secara tetap, sungguhpun tidak selaras dengan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1978](#), dikekalkan sebagai pegawai tetap.
- (ii) Ketua-ketua Jabatan hendaklah mendapatkan perwakilan kuasa daripada Suruhanjaya Perkhidmatan untuk membuat perlantikan semula. Tarikh perlantikan tetap mereka dikebelakangkan pada tarikh mereka mula-mula dilantik semula secara tetap selepas bersara oleh Kementerian atau Jabatan.
- (iii) Pesara-pesara yang telah dilantik semula secara tetap layak untuk disahkan dalam jawatan dan dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen mengikut syarat-syarat perkhidmatan seperti yang dikenakan kepada pegawai tetap yang lain.
- (iv) Gaji permulaan yang telah ditawarkan semasa mereka dilantik semula secara tetap selepas bersara oleh Kementerian atau Jabatan adalah dikekalkan.
- (v) Bagi pesara-pesara yang telah ditahan kenaikan gaji tahunan, gaji mereka hendaklah diselaraskan kembali mengikut gaji yang mereka sepatutnya terima dengan syarat penahanan gaji tersebut bukanlah kerana tindakan tatatertib atau gagal disahkan dalam jawatan.

#### **4. PEMAKAIAN**

4.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini juga dipanjangkan pemakaiannya kepada pihak Pentadbiran Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' WAN MANSOR ABDULLAH),  
*Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan  
Awam,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

Tarikh 10hb Februari 1988.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan